

## **SOROTAN LITERATUR BERSISTEMATIK AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI MALAYSIA**

*NUR SYAKILA ABDULLAH*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[p144840@siswa.ukm.edu.my](mailto:p144840@siswa.ukm.edu.my)

*YUSMILAYATI YUNOS\**  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
[yusmila@ukm.edu.my](mailto:yusmila@ukm.edu.my)

*\*Pengarang Perantara*

### **ABSTRAK**

Amalan perubatan tradisional telah lama menjadi amalan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Mereka menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai bahan asas dalam merawat penyakit. Ilmu perubatan tradisional masyarakat Orang Asli hanya diketahui oleh ahli keluarga mereka dan penyebaran ilmu ini agak terbatas. Keadaan ini berlaku kerana masyarakat Orang Asli tidak menyebarkan ilmu mereka kepada masyarakat umum demi menjaga kelestarian khazanah ilmu perubatan mereka. Namun, keterampilan ilmu-ilmu tradisi Orang Asli yang terdapat di Malaysia telah menjadi titik tolak untuk mendedahkan keunikan mereka dalam bidang perubatan tradisional. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis amalan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Justeru, artikel ini memilih sorotan karya bersistematik sebagai satu metodologi untuk menjalankan penyelidikan. Kajian ini juga dijalankan secara sistematik melalui Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA). Terdapat empat proses yang digunakan dalam PRISMA bagi meneroka sorotan karya iaitu pengenalpastian, saringan, kelayakan dan rangkuman. Hasil kajian ini telah menunjukkan terdapat amalan perubatan tradisional yang masih diamalkan oleh masyarakat Orang Asli sebagai alternatif untuk merawat penyakit. Segelintir daripada mereka juga masih bergantung terhadap elemen-elemen tradisional kerana terdapat penyakit-penyakit yang tidak dapat disembuhkan dengan hanya menggunakan teknologi perubatan moden. Untuk kajian lanjutan, kaedah rawatan tradisional Orang Asli berasaskan akar kayu dan ritual penyembuhan dalam kalangan Orang Asli Kensiu wajar diketengahkan dan didokumentasikan untuk rujukan pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Amalan; Malaysia; Orang Asli; perubatan tradisional; tumbuhan ubat-ubatan

## **A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW OF TRADITIONAL MEDICAL PRACTICE AMONG INDIGENOUS PEOPLE IN MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

The practice of traditional medicine has long been the practice of the Orang Asli community in Malaysia. They use plants as a basic ingredient in treating diseases. The traditional medical knowledge of the Orang Asli community is only known to their family members and the spread

of this knowledge is quite limited. This situation occurs because the Orang Asli community does not disseminate their knowledge to the general public in order to maintain the sustainability of their medical knowledge treasures. However, the skills of traditional Orang Asli knowledge found in Malaysia have become a starting point to reveal their uniqueness in the field of traditional medicine. This study aims to analyze traditional medical practices among the Orang Asli community. Thus, this article selects the highlights of systematic works as a methodology to conduct research. This study is also carried out systematically through Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA). There are four processes used in PRISMA to explore the highlights of the work, namely identification, screening, qualification and summation. The results of this study have shown that there are traditional medical practices that are still practiced by the Orang Asli community as an alternative to treat diseases. A few of them also still depend on traditional elements because there are diseases that cannot be cured by just using modern medical technology. For further research, the traditional treatment methods of the Orang Asli based on wood roots and healing rituals among the Kensiu Orang Asli should be highlighted and documented for future reference.

**Keywords:** Practice; Malaysia; Native People; traditional medicine; medicinal plants

## PENGENALAN

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia diletakkan di bawah perjagaan Jabatan Orang Asli Semenanjung (JOAS). Jabatan JOAS bertanggungjawab sepenuhnya mengenai masyarakat Orang Asli (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004). JOAS menjaga hal-hal kebajikan seperti menyediakan kawasan kediaman, perbelanjaan kehidupan dan pendidikan kepada anak-anak Orang Asli. Masyarakat Orang Asli juga mengalami perubahan corak kehidupan dan aktiviti ekonomi. Masyarakat ini telah menerima pendidikan rendah sehingga pendidikan tinggi. Masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan yang besar. Pembahagian ini berdasarkan kepada bentuk fizikal dan bahasa pertuturan yang digunakan dalam kelompok atau kumpulan masyarakat. Selain itu, kumpulan itu merujuk kepada corak atau cara kehidupan yang mereka jalani. Begitu juga setiap kumpulan masyarakat Orang Asli dapat dibezakan melalui wilayah geografi dan bahasa. Masyarakat ini terdiri daripada Negrito, Senoi dan Malayu Proto (Muhammad Haziq Mohd Rohir & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2020).

Perkataan masyarakat peribumi (indigenous peoples) digunakan di dalam makalah ini bagi merujuk kepada masyarakat pinggir minoriti yang berasal dari kawasan yang telah mereka tinggal di sesebuah tempat bagi tempoh yang lama yang dianggap sebagai kawasan asal mereka. Manakala perkataan Orang Asli merujuk kepada sebahagian masyarakat peribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Di dalam beberapa undang-undang statut termasuk Perlembagaan Persekutuan, Akta Orang Asli 1954, Akta Perhutanan 1980, masyarakat Orang Asli dirujuk dalam bahasa Inggeris sebagai aboriginal peoples. Selanjutnya, dalam Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017, perkataan 'masyarakat peribumi' digunakan bagi merujuk kepada perkataan indigenous peoples dalam edisi akta tersebut yang berbahasa Inggeris. Masyarakat peribumi di dalam akta tersebut merangkumi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan anak negeri di Sabah dan Sarawak (Nur Aqilah Azaldin et.al., 2021).

Hasan Mat Nor (1988), telah mengemukakan bahawa masyarakat peribumi menurut klasifikasi perundangan yang terdapat dua kelompok warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli. Orang Asli adalah meliputi tiga kelompok suku kaum utama yang dikenali sebagai Negrito, Senoi dan Malayu-Proto. Juli Edo (2010) pula menjelaskan

masyarakat Orang Asli mengandungi tiga buah rumpun bangsa yang terbentuk daripada 19 buah suku kaum. Setiap suku kaum adalah sebuah entiti etnik dengan budaya masing-masing. Mereka wujud sebagai sebuah masyarakat yang dibendung teguh oleh adat dan nilai yang diwarisi (Mohammad, A. M. M. dan Abdullah, S., 2004). Majoriti daripada mereka tinggal di kawasan hutan dan masih mengamalkan cara hidup tradisional yang banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan lama tinggalan nenek moyang mereka (Rosley, N. A, 2009). Masyarakat Orang Asli sangat berpegang teguh kepada sistem perubatan tradisional mereka. Mereka mempercayai bahawa ilmu perubatan tradisional yang diperturunkan melalui nenek moyang mereka adalah sumber dan warisan yang sangat istimewa. Hal ini kerana, hubungan mereka sesama manusia dan alam sekitar telah banyak mempengaruhi cara hidup dan sumber ekonomi mereka (Mee, S. dan Ibrahim, Y., 2008).

Perubatan tradisional (juga dikenali sebagai perubatan orang asli) merangkumi aspek perubatan pengetahuan tradisional yang berkembang dari generasi ke generasi dalam kepercayaan rakyat pelbagai masyarakat sebelum era perubatan moden. Sehingga kini tiada lagi definisi yang diterima pakai untuk “Perubatan Tradisional” dan “Perubatan Komplementari”. Definisi perubatan tradisional akan dijadikan asas dalam pendekatan kerajaan untuk pembangunan perubatan tradisional dan komplementari. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan perubatan tradisional sebagai amalan, pendekatan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap kesihatan yang melibatkan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ubat-ubatan berasaskan mineral, terapi-terapi spiritual, teknik-teknik manual dan senaman, yang diaplikasikan secara khusus mahupun gabungan bagi merawat, diagnosis serta mencegah penyakit dan mengekalkan kesihatan (Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan, 2007).

Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan (2007) turut menjelaskan perubatan komplementari secara praktiknya merujuk kepada kepelbagaian kaedah dalam penjagaan kesihatan, yang berasal daripada pelbagai bentuk budaya sejak zaman-berzaman (Pejabat Jabatan Kesihatan Scotland, Perubatan Komplementari dan Khidmat Kesihatan Nasional, 1996). Manakala Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK) bermaksud amalan perubatan tradisional dan komplementari yang diamalkan bersama, selain daripada perubatan atau pembedahan oleh pengamal perubatan berdaftar seperti yang terkandung dalam Akta Perubatan 1971 (Malaysian Medical Council, Ministry of Health, Malaysia, 2001).

Sehubungan itu, konsep perubatan tradisional dapat dirujuk sebagai amalan, pendekatan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap kesihatan yang melibatkan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ubat-ubatan berasaskan mineral, terapi spiritual, teknik manual dan senaman, yang diaplikasikan secara khusus mahupun gabungan bagi merawat, diagnosis serta mencegah penyakit dan mengekalkan kesihatan (Nor Azian Ab Rahman dan Supyan Hussin, 2017). Sistem perubatan tradisional terbahagi kepada dua, pertama penyakit yang “biasa” (semulajadi) dan kedua penyakit “luar biasa” (disebabkan oleh kekuatan ghaib), sedangkan ilmu perubatan moden tidak mengenal penyakit yang “luar biasa” seperti itu. Sekarang semakin banyak masyarakat yang memilih penyembuhan penyakit melalui perubatan alternatif. Hal ini bukan bererti masyarakat tidak lagi percaya dengan perubatan moden, namun masyarakat pada zaman sekarang menganggap apabila seseorang sakit, yang ada difikiran mereka adalah biaya yang sangat mahal, maka sering terjadi penyakit didiamkan berlama-lama dan akhirnya bertambah teruk, kerana tidak ada inisiatif mencari tempat perubatan yang lebih terjangkau dan lebih terjamin penyembuhannya (Yoserizal dan Jamaluddin Md. Jahi, 2012). Artikel ini memilih sorotan karya bersistematik sebagai satu metodologi untuk menjalankan penyelidikan dan menganalisis amalan perubatan tradisional masyarakat Orang Asli. Hasil penulisan ini mendapati bahawa perubatan tradisional masih digunakan sebagai alternatif kesihatan dalam kalangan masyarakat Orang Asli biarpun semakin dilupakan oleh generasi baru masyarakat ini.

## METODOLOGI

Kajian ini memilih Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) yang diperkenalkan oleh Moher et. al. (2009) bagi meneroka sorotan karya berkaitan amalan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Orang Asli. PRISMA adalah satu kaedah dan garis panduan bagi menjalankan sorotan karya secara sistematik bagi menghasilkan kualiti kajian yang baik dan tepat. PRISMA turut mengandungi empat proses untuk mengumpul data secara sistematik iaitu pengenalpastian, saringan, kelayakan dan rangkuman. Artikel yang menjadi sumber bagi sorotan bersistematik ini pula diperoleh melalui pangkalan data *Scopus* dan *Web of Science* (WOS). Kedua-dua sumber ini merupakan pangkalan data komprehensif yang memuatkan artikel ilmiah dalam pelbagai bidang (Martin-Martin et. al., 2018; Gusenbauer dan Haddaway, 2019). Sumber ini juga mengawal kualiti penerbitan dengan hanya mengindeks penerbit yang memenuhi piawaian yang ditetapkan. Setakat ini kedua pangkalan data itu telah mengindeks lebih dari 5000 penerbit. Selain itu, pangkalan data *Google Scholar* juga turut digunakan sebagai sumber artikel tambahan. Menurut Haddaway et. al. (2015), biarpun *Google Scholar* turut menempatkan artikel yang berstatus kelabu (grey literature) tetapi artikel tersebut masih boleh dijadikan sebagai sumber tambahan untuk melengkapkan dapatan yang telah sedia ada. Younger (2010) pula mencadangkan supaya para pengkaji menjalankan proses carian mereka menggunakan pangkalan data lain bagi meningkatkan kemungkinan untuk mendapat artikel yang berkaitan. Gusenbauer (2019) merumuskan bahawa *Google Scholar* memiliki 389 juta artikel dalam pangkalan datanya manakala Orduna-Malea et. al. (2017) pula menyimpulkan bahawa terdapat 165 juta artikel jurnal. Hal tersebut telah menjadikan sorotan itu meliputi pelbagai sudut terutamanya apabila dapatan carian pangkalan data utama membekalkan sumber yang sangat terhad.

## PENGENALPASTIAN

Pengenalpastian merupakan proses bagi mencari sinonim, terma yang sesuai dan istilah-istilah yang berkaitan. Sejajar dengan cadangan Okoli (2015), kata kunci yang relevan dengan fokus kajian telah dikenalpasti berdasarkan kepada persoalan kajian di peringkat ini. Kata kunci yang dipilih melalui kajian ini adalah merangkumi tiga bahagian iaitu medium penggunaan, subjek kajian, permasalahan dan tempat seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Kata kunci dan dapatan

Bil	Pangkalan data	Kata kunci	
1	WOS	TS= (“Orang Asli” OR “Orang Asal”) AND (“Traditional Plants OR Medical Plants OR Herbal”) AND (“Traditional Knowledge”) AND (“Malaysia OR Peninsular”))	678
2	Scopus	TITTLE-ABS-KEY (“Orang Asli” OR “Orang Asal”) AND (“Traditional Plants” OR “Medical Plants” OR “Herbal”) AND (“Traditional Knowledge”) AND (“Malaysia”))	41
3	<i>Google Scholar</i>	(“Traditional Plants” OR “Medical Plants”) AND (“Traditional Knowledge”) AND (“Malaysia”).	9,920

Proses carian di WOS dan SCOPUS telah dilakukan menerusi siri carian (search string) dengan menggunakan kata kunci seperti yang telah dinyatakan melalui Jadual 1. Bagi carian di *Google*

*Scholar* pula, enjin carian biasa telah digunakan mengikut fungsi carian frasa *Boolean operator* (OR, AND). Berdasarkan kepada hasil carian dalam pangkalan data WOS, sebanyak 678 carian telah ditemui. Carian di SCOPUS pula telah menemui sebanyak 41 dapatan. Seterusnya hasil carian di *Google Scholar* pula telah menemui 9,920 dapatan yang telah disusun mengikut susunan yang relevan. Oleh kerana hasil dapatan adalah banyak, maka hanya 200 dapatan pertama sahaja yang dipilih kerana dapatan ini adalah paling relevan dengan tajuk kajian. Kaedah ini diaplikasikan disebabkan oleh dapatan yang sangat banyak dan *Google Scholar* tidak mempunyai bentuk isihan yang bersistematik. Semua dapatan daripada tiga pangkalan data ini juga meliputi artikel kajian, buku, ulasan buku, ulasan kajian, tajuk dalam buku, persidangan, meta-analisis dan meta-sintesis.

## SARINGAN

Setelah itu, dapatan ini diisih berdasarkan kepada persoalan kajian supaya memperoleh hasil yang relevan untuk dianalisis. Bagi memperoleh isihan data yang tepat, tiga kriteria tapisan juga telah dimanfaatkan sepenuhnya. Berdasarkan kepada pandangan Higgins et. al. (2019), sekatan penerbitan garisan masa harus diaktifkan setelah diketahui bahawa kajian-kajian yang berkaitan hanya dapat dilaporkan dalam jangkamasa yang tertentu. Artikel yang melebihi 10 tahun dianggap kurang sesuai untuk dipertimbangkan kerana perubahan dalam dunia teknologi yang beralih terlalu pesat. Oleh itu, artikel 10 tahun kebelakangan adalah jangka masa kajian yang dipilih iaitu antara 2014 hingga 2023. Perkara kedua pula, kajian yang dilaksanakan adalah di Malaysia kerana kajian lebih menumpukan kepada pola penggunaan di Malaysia serta responden dan informennya juga terdiri dalam kalangan penduduk Malaysia. Ketiga, bidang kajian yang difokuskan adalah merangkumi bidang sains sosial, bidang sastera dan kemanusiaan serta bidang sains kesihatan. Ketiga-tiga bidang kajian ini dipilih kerana pendedahannya adalah berkait dengan amalan perubatan tradisional masyarakat Orang Asli. Jadual 2 adalah ringkasan kriteria penerimaan dan penolakan artikel.

JADUAL 2. Kriteria Penerimaan dan Penolakan

Bil	Kriteria	Penerimaan	Penolakan
1.	Tempoh masa	2014- 2023	< 2014 ke bawah
2.	Kawasan	Malaysia	Luar Malaysia
3.	Bidang	Sains Sosial; Sastera dan kemanusiaan; Sains kesihatan	Selain Sains Sosial; Sastera dan kemanusiaan; Sains kesihatan
4	Jenis	Jurnal; Buku dan persidangan	Bukan Jurnal; Buku dan persidangan

Berdasarkan kepada kriteria penerimaan, sebanyak 443 artikel yang diperoleh dari WOS dan 41 diperoleh dari scopus. Seterusnya, dapatan dari kedua pangkalan data ini digabungkan dengan dapatan dari *Google Scholar* dan diisih artikel yang bertindan. Akhirnya, sebanyak 597 dapatan berjaya ditapis.

## KELAYAKAN

Kelayakan merupakan proses untuk memilih artikel secara manual yang sesuai dengan permasalahan kajian iaitu amalan kuantitatif. Melalui proses ini, hanya tujuh artikel yang menepati kriteria yang ditetapkan perubatan tradisional masyarakat Orang Asli. Di Malaysia

khususnya, amalan perubatan tradisional masih dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Orang Asli biarpun perubatan moden sudah pesat membangun. Jenis artikel yang dipilih juga mestilah bersifat empirikal sama ada dalam bentuk kualitatif atau berjaya ditemui dalam pangkalan data WOS dan Scopus. Carian seterusnya melalui pangkalan data *Google Scholar* pula telah menemui sebanyak empat lagi artikel yang berkaitan seperti yang terdapat dalam Jadual 2.


### RANGKUMAN

Setelah tapisan dilakukan berdasarkan gabungan artikel yang layak disorot dari tiga pangkalan data, sebanyak 11 artikel telah diperolehi. Sebanyak sembilan daripadanya menggunakan kaedah kualitatif dan dua bersifat kuantitatif, manakala dua lagi menggunakan kaedah campuran (*mix-metode*). Dua tema utama yang disorot ialah amalan perubatan tradisional dan kepentingannya dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Secara keseluruhannya, sebanyak sebelas artikel yang telah dipilih untuk disoroti ditunjukkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Senarai artikel yang layak untuk sorotan

Bil	Pengarang	Data	Tajuk	Sampel	Kaedah
1.	H.C. Ong, M.A. Azliza (2015)	WOS	Medicinal Plants for Diabetes by The Orang Asli in Selangor, Malaysia	42 orang informen dari 13 kampung telah ditemubual. Mempunyai pendedahan tentang ubat-ubatan tradisional.	Kualitatif: Temu bual
2.	Young Soon Wonga, Pascale Alloteyb, Daniel D Reidpatha (2018)	WOS	Why We Run When the Doctor Comes: Orang Asli Responses to Health Systems in Transition in Malaysia	10-20 informen dari kampung yang berbeza-beza.	Kualitatif: Pemerhatian dan analisis data.
3.	Rachel Thomas Tharmabalan (2023)	WOS	Identification of Wild Edible Plants Used by The Orang Asli, Indigenous People of The Malay Peninsular	Melibatkan 8 orang dari 3 kampung (Kampung Telimau, Bukit Terang dan Kampung Sat). Terdiri daripada suku Senoi. 24 orang informen yang berusia 25-70 tahun. Informen yang dipilih fasih berbahasa Melayu.	Kualitatif: Temu bual mendalam
4.	Nur Fadillah Mohamed, Doris Padmini Selvaratnam (2018)	WOS	Amalan Kesihatan Wanita Orang Asli Temuan di Kampung Kachau Luar, Semenyih, Selangor	32 orang yang terdiri daripada penduduk wanita. Berusia 40-20 tahun kebawah.	Kuantitatif: Soal selidik Kualitatif: Pemerhatian dan temu bual
5.	Muhammad Fuad Abdullah, Azmah Othman, Rohana Jani, Candyrilla Vera Bartholomew, Elizabeth Pesiu, Mohd Tajuddin Abdullah (2020)	WOS	Traditional Knowledge and The Uses of Natural Resources by The Resettlement of Indigenous People in Malaysia	11 orang informen	Kualitatif: Temu bual mendalam

- |     |   |                   |  |  |   |
|-----|---|-------------------|--|--|---|
| 6.  | Pakhriazad Hassan Zaki,<br>Seca Gandaseca,<br>Noorhayati Mohd<br>Rashidi, Mohd Hasmadi<br>Ismail (2019)   | WOS               | Traditional Usage of<br>Medical Plants by<br>Temiar Tribes in The<br>State of Kelantan,<br>Peninsular Malaysia   | 250 orang responden telah<br>dipilih secara persampelan<br>kelompok.<br>Lelaki dan wanita, berusia<br>18-40 tahun.<br>Temubual mendalam<br>disasarkan terhadap<br>pengamal perubatan<br>tradisional. | <i>Mixed<br/>method:</i><br>Survey dan<br>temu bual<br>mendalam<br><br>Kuantitatif:<br>Soal selidik |
| 7   | Mohd Raznan Ramli,<br>Sorayya Malek, Pozi<br>Milow, Nurul Jannah<br>Aziz (2021)   | Scopus            | Traditional Knowledge of<br>Medical Plants in The<br>Kampung Orang Asli<br>Donglai Baru, Hulu<br>Langat, Malaysia  | 30 informen yang terdiri<br>daripada 19 lelaki dan 11<br>wanita.<br>Berusia 43-72 tahun.   | Kualitatif:<br>Temu bual<br>dan<br>pemerhatian.   |
| 8.  | Izdihar Ismaila, Alona<br>Cuevas Linatoca, Maryati<br>Mohamed, Lili Tokiman<br>(2015)   | Google<br>Scholar | Documentation of<br>Medical Plants<br>Traditionally Used by<br>The Jakun People of<br>Endau-Rompin (PETA)<br>for Treatments of<br>Malaria-Like Symptoms  | 5 informen (1 lelaki dan 4<br>wanita).<br>Mempunyai pengetahuan<br>yang ketara tentang amalan<br>tradisional.  | Kuantitatif:<br>Soal selidik<br><br>Kualitatif:<br>Temu bual  |
| 9.  | Regina Lambin,<br>Norwaliza Abdul Wahab,<br>Goh Swee Choo, Ramlee<br>Mustapha, Ramle<br>Abdullah (2018)   | Google<br>Scholar | A Case Study of Orang<br>Asli Knowledge in<br>Traditional Medicine   | Melibatkan suku kaum<br>Mah Meri (berumur 30<br>tahun ke atas).  | Kualitatif:<br>Temu bual<br>dan<br>pemerhatian  |
| 10. | Regina Lambin,<br>Norwaliza Abdul Wahab,<br>Ramlee Mustapha, Goh<br>Swee Choo (2019)  | Google<br>Scholar | Sustainability of Orang<br>Asli Indigenous<br>Knowledge and Practices<br>of Green Technology in<br>Medicine  | 13 informen terlibat   | Kualitatif:<br>Pemerhatian<br>dan temu<br>bual  |
| 11. | Amran Alias, Hood<br>Salleh, Shaharuddin<br>Mohamad Ismail, Sarah<br>Aziz Abdul Ghani Aziz,<br>Mohd Suhaidi Salleh,<br>Khairul Anuar Kamri,<br>Asmawi Noor Saarani,<br>Mohamad Daud Druis<br>(2018) | Google<br>Scholar | Traditional Knowledge<br>Management and Usage<br>of Medical Plants as<br>Daily Medication in<br>Healing Rituals Among<br>the Batek of Kuala Koh,<br>Gua Musang, Kelantan:<br>An Exploratory Evidence | Ahli masyarakat Orang Asli<br>yang berkaitan yang terlibat.  | Kualitatif:<br>Temu bual,<br>pemerhatian<br>mendalam,<br>dan analisis<br>data.                      |
-



RAJAH 1. Carta alir PRISMA diadaptasi berdasarkan Mohear et al. (2009)  
Sumber: Diadaptasi berdasarkan Moher et al. (2009)

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Penggunaan Ubat-Ubatan Tradisional Sebagai Alternatif Kesihatan Orang Asli

Menelusuri kepada carian dalam pangkalan data yang telah dipilih, kajian berkaitan perubatan tradisional Orang Asli memperlihatkan konteks kesihatan dan pendedahan mereka tentang perawatan tradisional yang diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kajian berkaitan pengetahuan perubatan masyarakat Orang Asli tentang tumbuhan tradisional telah dilaksanakan oleh Mohd Raznan Ramli et al. (2021) dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini telah melibatkan seramai 30 orang informen dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada 19 lelaki dan 11 wanita yang berusia di antara 43 hingga 72 tahun. Kajian ini menyentuh tentang kegunaan perubatan menerusi tumbuhan ubatan yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli di Donglai baru, Hulu Langat, Selangor. Pendokumentasian turut dilaksanakan bagi memperlihatkan bahagian-bahagian tumbuhan yang dapat dijadikan sebagai penawar, kaedah penyediaannya dan jenis-jenis penyakit yang mampu dirawat dengan hanya menggunakan daun, akar, buah, bunga serta tumbuhan keseluruhan. Turut direkodkan dalam kajian ini adalah jumlah bilangan tumbuh-tumbuhan mengikut pengklasifikasian spesies bagi mencatatkan spesis tumbuhan ubatan yang tertinggi digunakan.



Amran Alias et. al. (2018) pula mengkaji tentang ilmu tradisional berkaitan ubat-ubatan Orang Asli yang sememangnya menjadi aset penting kepada masyarakat. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, masyarakat Orang Asli yang terlibat telah ditemubual bagi mendedahkan penemuan imperikal berkaitan tumbuhan ubatan yang digunakan oleh Orang Asli di Malaysia sebagai alternatif kepada amalan perubatan moden bagi menyembuhkan penyakit. Kajian ini juga difokuskan terhadap kaum Bateks yang juga terdiri daripada salah satu 18 sub-etnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia. H. C. Ong dan M. A. Azliza (2015) pula memberi fokus kajian perubatan tradisional terhadap penyakit kronik seperti diabetes yang telah diaplikasikan oleh Orang Asli Mah Meri dan Temuan. Kajian kualitatif ini telah melibatkan seramai 42 orang informen dari empat kampung suku Mah Meri dan sembilan kampung suku Temuan. Kajian ini turut melibatkan pengklasifikasian antara spesis-spesis tumbuhan dan tumbuhan liar yang diterapkan dalam rawatan tradisional bagi merawat diabetes oleh kedua-dua suku tersebut.

Kajian yang telah dijalankan secara kaedah campuran (*mixed methods*) oleh Pakhriazad Hassan Zaki et. al. (2019) menelusuri tentang kaedah penawar dengan menggunakan tumbuhan ubatan dan herba dalam kalangan suku Temiar di Kampung Pasik, Kelantan. Melalui survey, temu bual mendalam dan soal selidik yang dijalankan, sebanyak 250 orang responden telah dipilih secara persampelan kelompok. Responden merupakan lelaki dan wanita yang berumur 18 hingga 40 tahun, manakala temu bual mendalam difokuskan terhadap pengamal perubatan tradisional. Kajian ini turut menggunakan peratusan tertentu dengan mengenal pasti spesies-spesies yang digunakan sebagai proses penjagaan kesihatan mereka. Sebanyak lapan belas spesies tumbuhan tradisional dilaporkan sebagai tumbuhan biasa yang digunakan oleh pribumi kajian tapak. Suku Temiar juga dinyatakan hanya mengamalkan kaedah tradisional penjagaan kesihatan kerana keterbatasan akses dari kampung mereka untuk mendapatkan rawatan. Merujuk kepada kajian kualitatif Rachel Thomas Tharmabalan (2023), terdapat juga pelbagai jenis tumbuhan liar yang boleh dimakan dan digunakan secara aktif oleh Orang Asli di Malaysia sebagai salah satu nilai perubatan mereka. Namun begitu, tumbuhan liar yang berpotensi tinggi untuk merawat penyakit semakin terjejas akibat kemerosotan alam sekitar. Bagi memperoleh maklumat secara lebih terperinci, 24 orang daripada suku Senoi berusia 25 hingga 70 tahun yang fasih berbahasa Melayu telah ditemu bual.

Secara dasarnya, kajian mengenai amalan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Orang Asli masih lagi terhad. Young Soon Wong et. al. (2018) menyatakan bahawa taraf kesihatan Orang Asli seharusnya diberi penekanan. Namun, kajian ini secara umumnya tidak menyentuh berkaitan penggunaan ubat-ubatan dan tumbuhan tradisional secara meluas. Penekanan serius yang dinyatakan adalah terhadap kemerosotan kesihatan masyarakat Orang Asli yang tidak mendapatkan rawatan secara moden dengan bantuan pakar sains dan kesihatan. Turut digambarkan segelintir masyarakat Orang Asli yang menolak untuk menerima rawatan moden kerana sudah terbiasa dengan rawatan tradisional. Perkara ini telah menunjukkan bahawa kepincangan isu kesihatan Orang Asli terjadi apabila terdapatnya percanggahan berkaitan kepentingan perubatan tradisional dan moden.

Perbincangan seterusnya disusuli oleh kajian yang dilaksanakan oleh Muhammad Fuad Abdullah et. al. (2020), yang menyatakan bahawa amalan tradisi masyarakat Orang Asli yang merangkumi amalan perubatan tradisional seharusnya dipelihara. Asas dan ilmu-ilmu pengetahuan berkaitan tradisi mereka semakin dipinggirkan oleh generasi baru mereka sendiri kerana tiada minat yang mendalam terhadap peninggalan nenek moyang terdahulu. Disebabkan pembangunan pesat dan pemodenan, ilmu tradisi tersebut semakin terhakis kerana tidak diuruskan dengan baik. Berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian lepas, perubatan tradisional masih lagi relevan dan diperlukan biarpun penggunaannya semakin berkurangan dan dipinggirkan oleh segelintir masyarakat Orang Asli sendiri. Kajian-kajian lepas juga lebih cenderung memfokuskan kepada penambahbaikan dan menaiktaraf tahap kesihatan masyarakat

Orang Asli melalui rawatan moden. Namun, setiap kajian yang dibincangkan masih menerapkan unsur-unsur perubatan tradisional yang sudah sebatian dengan gaya hidup masyarakat Orang Asli sejak dahulu.

### **Keperluan Perubatan Tradisional Orang Asli Sebagai Alternatif Kesihatan**

Terdapat kajian secara kualitatif dan kuantitatif yang dilakukan bagi memperlihatkan kepentingan perubatan tradisional Orang Asli. Gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dijalankan oleh Nur Fadillah et. al. (2018) adalah berkaitan penjagaan kesihatan wanita Orang Asli Temuan di Kampung Kachau Luar, Semenyih, Selangor. Berdasarkan kepada kajian ini, penjagaan kesihatan bagi wanita Orang Asli amat dititikberatkan melalui penggunaan herba dan tumbuhan tradisional. Amalan perubatan tradisional sebagai alternatif penjagaan kesihatan dilihat dapat membantu Orang Asli kekal pada tahap yang baik. Kajian yang dijalankan ini juga turut melibatkan 32 orang responden wanita di kawasan penempatan Orang Asli Kampung Kachau Luar. Walaubagaimanapun, kajian ini masih difokuskan terhadap perbandingan melalui soal selidik bagi merekodkan kecenderungan Orang Asli terhadap perubatan secara tradisional dan moden. Terdapat juga wanita-wanita Orang Asli yang cenderung memilih untuk mendapatkan rawatan secara moden di klinik mahupun hospital berbanding rawatan yang dilakukan secara tradisional dengan menggunakan tumbuhan dan herba.

Kajian Muhammad Fuad Abdullah et. al. (2020) pula menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual mendalam yang dijalankan terhadap 11 orang informen suku Semaq Beri yang tinggal di Tasik Kenyir, Terengganu. Keseluruhan kajian ini memaparkan tentang kepentingan pengetahuan tradisi yang merangkumi tumbuh-tumbuhan dan herba tradisional yang sewajarnya diadaptasikan ke dalam sistem pendidikan formal. Perkara tersebut adalah bagi meningkatkan gaya hidup dan kesejahteraan Orang Asli melalui pengetahuan yang dimiliki oleh mereka. Selain itu, terdapat juga 34 spesies tumbuhan dan herba yang telah diklasifikasikan mengikut nama saintifiknya dan setiap satunya mempunyai fungsi perawatan yang tersendiri. Menurut Regina Lambin et. al. (2019) dan Izdihar Ismaila et. al. (2015), pendokumentasian berkaitan tumbuh-tumbuhan adalah menjadi salah satu kepentingan bagi mengelakkan hakisan terhadap pengetahuan tradisional dari generasi lama ke generasi baru. Malahan, penggunaan tumbuhan hijau sebagai perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Orang Asli dapat menyembuhkan pelbagai penyakit serta mampu merawat penyakit kronik yang dihidap oleh kanak-kanak dan dewasa.

## **KAJIAN AKAN DATANG**

### **Ubat-Ubatan Tradisional Sebagai Alternatif Perawatan**

Kajian kesihatan yang dijalankan oleh Young Soon Wong et al. (2018), menunjukkan Orang Asli hidup dengan jurang kesihatan yang ketara jika dibandingkan dengan populasi negara. Di Malaysia, Orang Asli juga sering dilabelkan sebagai mundur dan tidak terbuka oleh pihak berkuasa jika melibatkan penerimaan terhadap kesihatan moden. Perubatan tradisional dan penggunaan herba dalam komuniti Orang Asli perlu diiktiraf dan diformalkan kerana amalan penjagaan kesihatan secara tradisional ternyata membantu Orang Asli kekal pada tahap kesihatan yang baik (Nur Fadillah Mohamed dan Doris Padmini Selvaratnam, 2018). Hal ini kerana, ilmu tradisional berkaitan tumbuhan ubatan Orang Asli sememangnya menjadi aset yang berguna kepada seluruh masyarakat. Ilmu yang telah diwarisi secara tradisi daripada nenek moyang mereka adalah sebahagian daripada kelangsungan hidup mereka kerana Orang Asli hidup secara simbiotik dengan hutan (Amran Alias et. al., (2018). Menurut Vivien W.C. Yew

et. al. (2019) pula, kedua-dua amalan perawatan kesihatan sama ada moden atau tradisional memainkan peranan tersendiri yang berfungsi sebagai langkah untuk merawat penyakit dan melegakan kesakitan. Walau bagaimanapun, pengetahuan tradisional berkaitan perawatan yang diwarisi secara turun temurun tidak dipinggirkan begitu sahaja. Amalan perawatan secara tradisional tetap digunakan dan diamalkan walaupun perawatan kesihatan secara moden telah digunakan secara meluas.

### **Memperluaskan Pendokumentasian Mengenai Tumbuhan Ubatan Orang Asli**

Perubatan tradisional dan penggunaan herba perlu juga didokumentasi terlebih dahulu bagi tujuan pengkomersialan agar dapat melengkapkan perubatan moden dan membantu mengurangkan kos sara hidup masyarakat Orang Asli. Pendokumentasian juga adalah termasuk rakaman video dan audio, ditranskripsikan secara verbatim, dianalisis dan diimport bagi memproses data (Regina Lambin et. al. 2018 dan Nur Fadillah Mohamed & Doris Padmini Selvaratnam, 2018). Perkara ini disokong oleh Amran Alias et al. (2018), yang menyatakan terdapat banyak penyelidikan dan literatur yang memfokuskan kepada pendokumentasian dan merekodkan pengetahuan berkaitan tumbuhan dan ubatan tradisional Orang Asli, namun tidak banyak yang telah dikaji dalam memahami proses holistik pengurusan pengetahuan khususnya di peringkat komuniti Orang Asli. Pengetahuan tradisional Orang Asli serta sumber asli hutan juga memerlukan sokongan daripada kerajaan tempatan dan pihak berkuasa untuk mengambil langkah pemeliharaan. Ini boleh dilakukan melalui rakaman etnografi, etno-botani, etno-perubatan dan zoologi. Pemeliharaan khazanah negara ini adalah satu kewajipan yang sangat diperlukan untuk mengekalkan pengetahuan tradisional dan semula jadi (Muhammad Fuad Abdullah et. al., 2020)

### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, amalan menggunakan perubatan tradisional merupakan satu kaedah rawatan alternatif yang masih digunakan sehingga kini. Biar pun penggunaan kaedah perawatan tradisional ini dianggap sudah jauh ketinggalan kerana wujudnya teknologi perubatan yang lebih canggih, namun perubatan tradisional masih dianggap relevan oleh para pengamal perubatan tradisional. Amalan penggunaan kaedah perubatan tradisional ini juga tidak dapat disangkal lagi apabila tahap kesembuhan penyakit berjaya dicapai dengan menggunakan kaedah rawatan alternatif yang menggunakan sumber alam sebagai ramuan utama bagi merealisasikan proses penyembuhan. Amalan perubatan tradisional ini juga telah menjadi pilihan masyarakat Orang Asli sejak zaman dahulu sehingga kini. Walau bagaimanapun, generasi baru masyarakat Orang Asli mula beralih kepada amalan kaedah rawatan secara moden kerana menginginkan proses penyembuhan yang lebih cepat. Mereka bahkan lebih tertarik terhadap penggunaan kemudahan teknologi yang lebih canggih.

### **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada geran FRGS/2020/WAB10/UKM02/03 dan semua pihak yang terlibat menyumbangkan kepakaran dalam penulisan ini.

## RUJUKAN

- Amran Alias, Hood Salleh, Shaharuddin Mohamad Ismail, Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz, Mohd Suhaidi Salleh, Khairol Anuar Kamri, Asmawi Noor Saarani & Mohamad Daud Druis. 2018. Traditional Knowledge Management and Usage of Medical Plants as Daily Medication in Healing Rituals Among the Batek of Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan: An Exploratory Evidence. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(29), 980-989.
- Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan (Semakan Kedua). 2007. Kuala Lumpur: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Gusenbauer, M., & Haddaway, N.R. 2019. Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods*, 1-37.
- H.C. Ong & M.A. Azliza. 2015. Medicinal Plants for Diabetes by The Orang Asli in Selangor, Malaysia. *Studies on Ethno-Medicine*, 9(1), 77-84.
- Haddaway, N. R., Collins, A. M., Coughlin, D., & Kirk, S.C. 2015. The role of Google Scholar in evidence reviews and its applicability to grey literature searching. *PloS one*, 10(9), -17.
- Hassan Mat Nor. 1988. *Warga bumi menghadapi cabaran pembangunan*. Kertas Kadangkala Bil. 8. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Higgins, J. P., Thomas, J., Chandler, J., Cumpston, M., Li, T., Page, M. J., & Welch, V. A. (Eds.). 2019. *Cochrane handbook for systematic reviews of interventions*. New Jersey, US: John Wiley & Sons.
- Izdihar Ismaila, Alona Cuevas Linatoca, Maryati Mohameda & Lili Tokiman. 2015. Documentation of Medical Plants Traditionally Used by The Jakun People of Endau-Rompin (PETA) for Treatments of Malaria-Like Symptoms. *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)*, 77(31): 63-69.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2004. Kuala Lumpur: Wisma Selangor Dredging.
- Juli Edo. 2010. *Adat dan Nilai Masyarakat Orang Asli*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Malaysian Medical Council, Ministry of Health, Malaysia. 2001. Dalam Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan (Semakan Kedua). 2007. Kuala Lumpur: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Martin-Martin, A., Orduna-Malea, E., & Lopez-Cozar, D.E. 2018. Coverage of highly-cited documents in Google Scholar, Web of Science, and Scopus: A Multidisciplinary Comparison. *Scientometrics*, 116, 2175-2188.
- Mee. S. & Ibrahim, Y. 2008. Pemandaran dan Penempatan Semula Komuniti Orang Asli dalam Redzuan, M. & Gill, S. (Ed). *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad, A, M. M. & Abdullah, S. 2004. *Pembentukan Nilai-Nilai Masyarakat Semai Melalui Konsep Pandang Dunia (World View): Satu Analisis Awal*. Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan Arau: Kolej Universiti. Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM).
- Muhammad Haziq Mohd Rohir & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2020. Pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli Suku Temuan di Kampung Gapam, Jasin, Melaka. *Jurnal Melayu, Isu (Khas)*.

- Mohd Raznan Ramli, Sorayya Malek, Pozi Milow & Nurul Jannah Aziz. 2021. Traditional Knowledge of Medical Plants in The Kampung Orang Asli Donglai Baru, Hulu Langat, Malaysia. *Biodiversitas*, 22(3), 1304-1309.
- Moher, D. Liberati, A., Tetzlaff, A., & Altman, D. G. 2009. Group preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement. *BMJ*, 6(7), 1-7.
- Muhammad Fuad Abdullah, Azmah Othman, Rohana Jani, Candyrilla Vera Bartholomew, Elizabeth Pesiu & Mohd Tajuddin Abdullah. 2020. Traditional Knowledge and The Uses of Natural Resources by The Resettlement of Indigenous People in Malaysia. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 25(1), 168-190.
- Nor Azian Ab Rahman & Supyan Hussin. 2017. *Perubatan Tradisional: Aplikasi Semasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nur Aqilah Azaldi, Izawati Wook & Adzidah Yaakob. 2021. Orang Asli di Kawasan Lindungan: Kedudukannya dari Segi Perundangan di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang Masyarakat (JUUM)*, 29,75-85.
- Nur Fadillah Mohamed & Doris Padmini Selvaratnam. 2018. Amalan Kesihatan Wanita Orang Asli Temuan di Kampung Kachau Luar, Semenyih, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14 (4), 89-101.
- Okoli, Chitu. 2015. A Guide to Conducting a Standalone Systematic Literature Review. *Communication of the Association for Information Systems*, 37(43), 879-910.
- Orduna-Malea, E., Martin-Martin, A., Harzing, A.W., & López-Cózar, E.D. 2017. Can we use Google Scholar to identify highly-cited documents? *Journal of Infometrics*, 11(1), 152-163.
- Pakhriazad Hassan Zaki, Seca Gandaseca, Noorhayati Mohd Rashidi & Mohd Hasmadi Ismail. 2019. Traditional Usage of Medical Plants by Temiar Tribes in The State of Kelantan, Peninsular Malaysia. *Forest and Society*, 3(2), 227-234.
- Pejabat Jabatan Kesihatan Scotland, Perubatan Komplementari dan Khidmat Kesihatan Nasional. 1996. Dalam Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan (Semakan Kedua). 2007. Kuala Lumpur: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Rachel Thomas Tharmabalan. 2023. Identification of Wild Edible Plants Used by The Orang Asli, Indigenous People of The Malay Peninsula. *Frontiers in Sustainable Food Systems*, 10(3), 64-90.
- Regina Lambin, Norwaliza Abdul Wahab, Goh Swee Choo, Ramlee Mustapha & Ramle Abdullah. 2018. A Case Study of Orang Asli Knowledge in Traditional Medicine. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 970-982.
- Regina Lambin, Norwaliza Abdul Wahab, Ramlee Mustapha & Goh Swee Choo. 2019. Sustainability of Orang Asli Indigenous Knowledge and Practices of Green Technology in Medicine. *Journal of Asian Vocational Education and Training*, 12, 74-89.
- Vivien W.C. Yew, Saiful Farisin Md Ramlan & Mohd Rusydi Ahmad. 2019. Pendekatan kualitatif untuk memahami kualiti hidup masyarakat orang asli di Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space*, 5(4), 191-205.
- Yoserizal & Jamaluddin Md Jahi. 2012. Sistem Perubatan Tradisional Orang Petalangan Yang Terhakis di Kabupaten Pelalawan, Provinsi Riau, Indonesia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 30(1), 197-214.
- Young Soon Wonga, Pascale Alloteyb, Daniel D. Reidpatha. 2018. Why We Run When the Doctor Comes: Orang Asli Responses to Health Systems in Transition in Malaysia. *Critical Public Health*, 14(3), 85-88.

Younger, P. 2010. Internet-based Information-seeking Behaviour Amongst Doctors and Nurses: A short Review of The Literature. *Health Information & Libraries Journal*, 27(1), 2-10.

**Biodata Penulis:**

**Nur Syakila Abdullah** merupakan calon pelajar program Ijazah Sarjana Falsafah (Pengurusan Persembahan Seni) di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Yusmilayati Yunos (PhD.)** merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah etnoperubatan Melayu dan Jawa.